

## ADAB BERINTERAKSI DI MEDIA SOSIAL MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH

*MANNERS OF INTERACTING ON SOCIAL MEDIA ACCORDING TO  
QURAN AND SUNNAH*

Nur Sofwa Binti Indra<sup>1</sup>  
Najihah Binti Hashim<sup>2</sup>  
Hidayatul Hakimah Binti Hakim<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mel: sofwa98@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mel: nvrscce@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mel: hidayatulhakimah@raudah.usim.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mel: syednajihuddin@usim.edu.my)

### Article history

**Received date** : 7-8-2023  
**Revised date** : 8-8-2023  
**Accepted date** : 25-9-2023  
**Published date** : 15-10-2023

### To cite this document:

Indra, N. S., Hashim, N., Hakim, H. H., & Syed Hassan, S. N. (2023). Adab berinteraksi di media sosial menurut Al-Quran dan Sunnah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 1 - 12.

**Abstrak:** Media sosial merupakan satu platform penting dalam menyalurkan sesuatu maklumat. Malah, ia turut menjadi suatu keperluan utama dalam perhubungan masyarakat untuk berkomunikasi melalui jaringan sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram. Konsep komunikasi hari ini mengalami perubahan seiringnya peredaran zaman. Jika sebelum ini berita disampaikan menerusi televisyen hitam putih, kini media sosial telah pun menjadi suatu ruang baharu kepada masyarakat untuk berhubung dengan mudah serta mendapatkan maklumat di hujung jari. Apabila komunikasi dan maklumat semakin mudah dicapai, maka semakin mudah untuk seseorang itu bebas mengekspresikan diri termasuk memberi komen tanpa kawalan di media sosial. Ia berbeza daripada komunikasi sebelum ini yang tiada ruang kritikan atau ulasan yang dapat diberikan kerana segalanya melalui tontonan dan suara. Sebaliknya pada hari ini, masyarakat bebas untuk mengulas apa sahaja isu. Natijahnya, timbulnya beberapa komen yang tidak sepatutnya seperti memberi komen yang berunsur negatif atau mengkritik sehingga membuka aib. Justifikasinya, apabila adab ketika berinteraksi di media sosial tidak dititikberatkan, maka ia akan menimbulkan konflik sehingga mengganggu keharmonian sesebuah masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana adab dan akhlak yang sebenar menurut al-Quran dan Sunnah dalam memberi komen serta pandangan terhadap sesuatu isu, terutama yang berkaitan hal keagamaan. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian perpustakaan dengan merujuk kitab-kitab yang bersumberkan al-Quran dan Hadith. Hasil kajian ini mendapati bahawa pentingnya menjaga adab serta akhlak ketika berinteraksi di media sosial demi mengekalkan keharmonian dalam kehidupan masyarakat. Antara adab yang perlu ditekankan adalah

menjaga tutur kata ketika memberi komen dengan berkata yang benar, tidak mengumpat, tidak mencela atau memaki dan lain-lain. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat umum untuk berfikir dahulu sebelum bertindak di samping memelihara adab ketika mengulas berkaitan isu-isu yang tular di media sosial.

**Kata kunci:** Adab, Media Sosial, Al-Quran, Sunnah.

**Abstract:** Social media is an important platform in channeling information. In fact, it is also a major need in community relations to communicate through social networks such as Facebook, Twitter, and Instagram. The concept of communication today has undergone changes along with the passage of time. If previously news was delivered through black and white television, now social media has become a new space for the community to connect easily and get information at their fingertips. When communication and information become easier to reach, then it becomes easier for a person to express himself freely including commenting without control on social media. It is different from the previous communication where there is no room for criticism or comments that can be given because everything is through viewing and voice. On the contrary today, society is free to comment on any issue. As a result, there are some inappropriate comments such as giving negative comments or criticizing to the point of shame. The justification is that if manners when interacting on social media are not emphasized, then it will cause conflict and disturb the harmony of a society. Therefore, this study aims to examine how the true manners and morals according to the Quran and Sunnah in giving comments and views on an issue, especially related to religious matters. The type of method used in this study is a qualitative method which is through library research by referring to books that are sourced from the Quran and Hadith. The results of this study found that it is important to maintain manners and morals when interacting on social media in order to maintain harmony in community life. Among the manners that need to be emphasized is taking care of speech when giving comments by saying the truth, not swearing, not criticizing or cursing etc. Therefore, it is hoped that this study can provide benefit and knowledge to the general public to think first before acting in addition to maintaining good manners when commenting on issues that are viral on social media.

**Keywords:** Manners, social media, Quran, Sunnah.

---

## Pengenalan

Dalam meniti arus kemodenan ini, media sosial menjadi suatu wadah yang penting dalam menyebarkan maklumat. Media sosial merupakan suatu platform yang mampu membuka akaun sendiri dengan percuma sekaligus mampu berhubung dengan kenalan di platform tersebut. Dengan membuka akaun media sosial di talian, akaun tersebut dapat diakses tidak kira di mana jua seseorang itu berada. Hal ini membawa maksud bahawa media sosial ini tidak dibatasi oleh jarak untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat (Siti Ezaleila Mustafa, 2010). Namun, media sosial menjadi cendri kepada masyarakat di seluruh dunia terutamanya generasi muda. Gelombang teknologi yang semakin pesat membangun menjadikan masyarakat seluruhnya berlumba-lumba untuk mendapatkan perhatian netizen serta pegikutnya di medium sosial alaf baru ini. Media sosial ini seumpama air kolam yang jernih di atas, cantik dilihat dari pandangan mata tetapi dibawahnya yang tidak begitu cantik ditutupi lapisan kekotoran yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Penggunaan media sosial yang meluas dapat memberikan manfaat dan pada masa yang sama ia juga memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat (Nadia, 2017).

Menurut Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, walaupun media sosial menjadi alat yang berkesan untuk berkongsi maklumat, ia juga disalahgunakan oleh sesetengah pengguna sebagai alat untuk menyebarkan fitnah dan maklumat-maklumat yang salah dan tidak tepat. Hal ini dikuatkan lagi dengan kajian oleh Jasmi dan Kamarul Azmi (2006) yang menyatakan bahawa media sosial ini selain menjadi tempat penyebaran berita atau maklumat palsu, ia juga dilihat sebagai medan atau alat untuk menyebarkan fitnah atau menjatuhkan serta memalukan seseorang. Sedangkan Islam telah mengajarkan kita di segenap aspek termasuk adab dalam setiap tindak-tanduk dan perilaku kita dalam kehidupan. Ini termasuklah sekecil-kecil tindakan bahkan perilaku yang spontan serta ucapan yang keluar melalui lisan mahupun tulisan. Dalam hal ini, baginda Nabi SAW telah mengingatkan tentang orang Islam yang paling baik adalah orang Islam yang menjaga lidahnya dan juga tangannya dari mengganggu orang lain. Hal ini sepatimana yang disebutkan dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim:

عَنْ أَبِي مُوسَى رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ؟ قَالَ: «مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ» متفقٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: Daripada Abu Musa al-Asy'ari r.a dia berkata, aku berkata, “Wahai Rasulullah, orang Islam yang bagaimakah yang paling utama? Baginda menjawab, “Orang yang kaum Muslimin selamat dari lisannya dan tangannya.”

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Maka, Islam amat mementingkan adab dalam setiap perkara lebih-lebih lagi dalam berkomunikasi, sehingga dalam tulisan ini akan mengupas berkenaan adab berkomunikasi di media sosial melalui perspektif Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Komunikasi yang dilakukan tanpa mengikut apa yang telah disandarkan oleh Islam, maka isi yang disampaikan boleh membawa perselisihan faham bahkan boleh menyebabkan tersebarnya fitnah. Sudah menjadi lumrah jika manusia dalam keadaan emosi tidak stabil, natijahnya akan terjadi perselisihan dan konflik antara mereka. Al-Quran menerangkan bahawa manusia diciptakan dengan sifat tergesa-gesa. Sehingga manusia suka terburu-buru mengikut hawa nafsu disebabkan berpunca dari sifat tidak tenang dan sabar. Namun, agama Islam mengajarkan manusia agar tetap tenang dan sabar. Hal ini dijelaskan dalam Surah al-Anbiya', ayat 37:

(خُلِقَ الْإِنْسَنُ مِنْ عَجَلٍ)

Maksudnya: “Manusia diciptakan (bersifat) tergesa-gesa”.

[Surah al-Anbiya': 37]

Mengawal lisan bukanlah semudah yang disangka. Ditambah lagi dunia moden pada hari ini, ‘lisan’ bukan hanya daripada tutur kata dan bicara, namun ia juga terhasil dari ‘tulisan’ yang menerusi gerak jari jemari manusia. Di media sosial khususnya, bukan mudah untuk mengawal pengguna media sosial dari menulis apa sahaja yang dikehendaki. Apatah lagi jika kebebasan bersuara ditafsirkan dengan kefahaman yang menyeleweng dan mengikut hawa nafsu semata. Jika dahulu, meminum arak dan berjudi antara punca yang membawa kepada pergaduhan antara sesama manusia. Kini, manusia pada zaman ini boleh berkelahi besar bermula dari ‘serangan’ yang dicipta melalui media sosial. Lihatlah pergaduhan di media sosial yang berlaku saban hari kerana jahilnya mereka dengan adab yang seharusnya mereka miliki dalam berkomunikasi.

Dalam Islam, terdapat garis panduan dalam sesuatu hak atau kebebasan. Justeru, manusia itu memerlukan panduan dalam cara berkomunikasi yang betul agar dapat membimbing mereka supaya tidak terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara terutamanya dalam pergaulan seharian. Maka bertitik tolak dari persoalan ini, kajian ini dijalankan untuk mengkaji bagaimana adab dan akhlak yang sebenar menurut al-Quran dan Sunnah dalam cara berkomunikasi yang sebenar terutama ketika memberi komen serta pandangan terhadap sesuatu isu yang tular di media sosial, khususnya yang berkaitan hal keagamaan. Maka, disini pengkaji akan mengingatkan kembali akan adab-adab dalam berkomunikasi yang telah dilupakan oleh masyarakat agar kemaslahatan terus terpelihara.

### Kajian Literatur

Terdapat 3 perkara yang akan dibincangkan dalam Kajian Literatur iaitu:

#### **Konsep Adab Dalam Perspektif Islam**

Konsep Akhlak dan Adab yang ditulis oleh Anwar Azmi Jiwari (2021) menjelaskan bahawa dalam Islam, adab merupakan perkara yang dilakukan secara disedari, iaitu berteraskan ajaran al-Quran dan Hadis. Konsep akhlak dalam Islam mengandungi empat aspek yang diterangkan dalam al-Quran dan Hadis iaitu Iman, Islam, Taqwa dan Ihsan. Dengan cara ini, adab dalam berkomunikasi dapat dititikberatkan agar tidak tersasar daripada ajaran Islam yang sebenar.

Manakala, Jauhar Syarifah (2022) telah menjalankan kajian dengan meneliti secara lebih terperinci dalam konsep etika bermedia sosial menurut al-Quran. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa etika bermedia sosial dengan melalui berbagai penafsiran dari para mufassir yang terkait dengan Surah al-Hujurat ayat 6 dan Surah al-Nahl ayat 43 ialah tidak terburu-buru dalam berkongsi atau menerima maklumat, bersikap *tabayyun* iaitu selidik sebelum meyebarkan dan menerima berita, dan melakukan klarifikasi ke atas sesuatu berita kepada sumbernya.

#### **Etika Berkomunikasi**

Kajian oleh Nazaruddin & Muhammad al-Fiansyah (2021) menunjukkan bahawa al-Quran memberikan panduan dan petunjuk mengenai etika komunikasi iaitu komunikasi harus atas dasar kebenaran dan kesabaran, bersikap *tabayyun* dalam menerima maklumat, menghindari sikap merendahkan orang lain apabila wujud perbezaan serta berkomunikasi dengan cara dan bahasa yang baik.

Dapatkan kajian oleh Wiji Nurasih et al. (2020) mendapati surah al-Asr juga dapat menjadi solusi perdamaian dunia dalam berinteraksi di media sosial yang mana manusia haruslah menggunakan waktu sebaik-baiknya dalam menjalankan keimanan, melakukan perbuatan baik, menyampaikan kebenaran serta berpesan dalam kesabaran. Beliau menekankan agar prinsip-prinsip demikian perlu diterapkan dalam etika bermedia sosial supaya kemajuan teknologi membawa kepada kemaslahatan bukannya perpecahan di antara manusia.

#### **Kepentingan Media Sosial**

Kajian yang ditulis oleh Md Tarequl Islam (2019) dalam kajian beliau yang berjudul: The Impact of Social Media on Muslim Society: From Islamic Perspective, menjelaskan bahawa negara dan rakyat akan mendapat manfaat sekiranya penggunaan media sosial digunakan ke arah yang positif. Tambahan pula, penulis menyatakan bahawa ia menjadi kecemerlangan penggunaan teknologi maklumat pada masa kini sekiranya seseorang menjadikan platform

media sosial sebagai tempat bagi menyebarkan dakwah kepada orang lain. Dengan cara ini, ajaran al-Quran dan Sunnah dapat diperkenalkan dan ditonjolkan kepada umum.

Kajian yang berjudul: Etiquettes of Using Social Media yang ditulis oleh Maulana Anwar Shaikh (2020) menerangkan tentang beberapa kesan penggunaan media sosial dalam kehidupan seseorang individu sama ada baik atau buruk serta beberapa adab yang terkandung dalam al-Quran dan hadis yang boleh diaplikasikan dalam penggunaan media sosial pada masa kini. Natijahnya, penggunaan media sosial secara berhemah amat ditegaskan agar tidak berlaku perbalahan serta mencetus kebencian sesama pengguna di media sosial.

### Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif digunakan sepenuhnya oleh pengkaji dalam menjelaskan tanggungjawab sebagai seorang warganet dalam menjaga adab ketika berkomunikasi melalui media sosial menurut pandangan al-Quran dan Sunnah. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan penyelidikan perpustakaan bagi membuat pengumpulan data dengan merujuk kitab-kitab yang bersumberkan al-Quran dan Hadith di samping rujukan dari kajian-kajian ilmiah yang lain. Sebagai contoh penulis mendapatkan data daripada sarjana-sarjana terdahulu melalui jurnal, artikel, serta laman-laman web yang berautoriti. Segala maklumat telah dikumpul untuk difahami kemudian dibuat kesimpulan. Melalui kajian ini penulis memperolehi maklumat berkaitan adab ketika berinteraksi di media sosial yang kini semakin kurang dipraktikkan.

### Adab Berkomunikasi Menurut Al-Quran

#### 1. *Qaulan Sadidan (Perkataan Yang Benar)*

“Budi bahasa budaya kita” menjadi slogan kebanggaan negara kita yang diperkenalkan pada kempen yang dilaksanakan pada tahun 2005. Selain berbudi bahasa, menjaga keaslian atau kebenaran sesuatu maklumat itu juga wajib diperhatikan. Di samping itu, perlulah diingatkan agar sentiasa berhati-hati sebelum menyebarkan sesuatu berita serta tidak memutar belit sesuatu fakta agar tidak berlaku sebarang kemudaratan kepada diri dan orang lain. Pepatah Melayu “berfikir sebelum berkata, berunding sebelum dibuat” adalah sikap golongan yang bijak pandai kerana tidak semberono dalam berbicara. Mereka lebih kehadapan kerana memelihara pertuturan dan tindakan mereka. Inilah etika yang perlu ada bagi setiap warganet agar tidak terus menerus melakukan ‘perang’ di media sosial.

Bahkan dalam al-Quran telah diperintahkan untuk menuturkan kata-kata yang benar sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Ahzab*, ayat 70:

(يَأَيُّهَا الْمُلِّيَّةُ إِذَا مَأْتُكُمْ أَتَقْرَءُوا آنَّهُ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا)

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar”.

[Surah *al-Ahzab*: 70]

Ayat ini disokong dengan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Dzar radiyallahu ‘anhу, Rasulullah Sallahu alaihi wasalam telah bersabda, mafhumnya: “Katakanlah yang benar meskipun itu pahit (berat untuk dikatakan)” (HR. Ibnu Hibban. No. 2041). Maka, tiada alasan untuk berbohong dan sebar fitnah di media sosial untuk kepentingan diri yang akhirnya berlaku salah faham antara dua pihak. Peribahasa Melayu mengatakan “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya”. Oleh itu, seyogianya kita sebagai umat Islam dan bangsa yang

berdaulat ini mengekalkan identiti yang baik dengan berkata benar dalam berkomunikasi secara berdepan mahupun di alam maya iaitu melalui jalan media sosial.

## **2. Qaulan Layyinan (Perkataan Yang Lembut)**

Perintah menggunakan perkataan yang lemah-lembut ini terdapat dalam al-Quran iaitu Surah Taha ayat 44. Allah SWT berfirman:

(فَقُولَا لَهُمْ قَوْلًا لَّيْسَ بِأَعْلَمُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى)

Maksudnya: "Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut".

[Surah Taha: 44]

Ayat ini menerangkan bahawa Islam turut menganjurkan umatnya untuk berbicara dengan lemah-lembut termasuklah kepada orang yang berlaku jahat sekalipun jika ingin menyampaikan kebaikan. Justeru, dalam berkomunikasi, seharusnya bijak menggunakan cara dan kata-kata yang lembut serta mengandungi nilai-nilai kebaikan yang mudah diterima oleh semua golongan pendengar atau pembaca lebih-lebih lagi di media sosial yang pengikutnya tidak diketahui keadaan mereka sama ada baik atau buruk.

Rasulullah SAW mengingatkan kita dalam sabda baginda yang mulia, mafhumnya: "Sesiapa tidak mengasihi tidak akan dikasihi." (HR al-Bukhari. No. 5997) Oleh itu, mereka yang mencintai nabi seharusnya memiliki sifat mengasihi dengan cara berlemah-lembut bukan sahaja dari perbuatan malah perkataan yang keluar dari mulut dan jemari yang menulis ketika menyampaikan sesuatu, lebih-lebih lagi ketika menggunakan laman media sosial yang begitu mudah disalah tafsirkan apa yang disampaikan kepada orang kedua iaitu pendengar.

## **3. Perkatan Yang Jelas dan Faham**

Media sosial merupakan medium penyebaran maklumat secara langsung dan penting kepada setiap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, sebagai pengguna media sosial dinasihatkan agar memastikan setiap konten yang ingin dikongsikan hendaklah dipastikan jelas dan dapat difahami oleh masyarakat agar tidak berlaku salah faham sesama pengguna. Maka, pengguna media sosial haruslah menggunakan bahasa yang mudah difahami mengikut persekitarannya. Firman Allah SWT:

(فَإِنَّمَا يَسْرُنَاهُ بِإِلْسَانِكُ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ)

Maksudnya: "Maka sesungguhnya kami memudahkan Al-Quran dengan bahasamu (wahai Muhammad) moga-moga mereka mengambil pengajaran".

[Surah Ad-Dukhan: 58]

Pengguna media sosial juga perlu menjadikan Rasulullah sebagai contoh dengan mengikuti sunnah Rasulullah SAW ketika berbicara iaitu baginda mengulangi perkataan hingga tiga kali dan berbicara dengan suara yang jelas. Dari Anas bin Malik r.a ia berkata: "Bahwasanya Nabi SAW apabila berbicara suatu kalimat, beliau mengulanginya hingga tiga kali sampai difahami perkataannya". (HR. Al-Bukhari) Hal ini kerana, maklumat yang jelas akan mudah diterima oleh pendengar dan tidak akan berlaku salah faham yang boleh mencetuskan keburukan kepada dirinya dan orang sekeliling.

## Adab Berkommunikasi Menurut Sunnah

### 1. Tidak *ghibah* atau Sifar Umpatan

*Ghibah* secara syar'i iaitu menceritakan tentang seseorang yang tidak berada di tempat tersebut dengan sesuatu yang tidak disukainya sama ada menyebutkan aibnya, keturunannya, akhlaknya, perbuatannya, urusan agamanya atau urusan dunianya. Seseorang itu hendaklah sentiasa berwaspada ketika membuat sesuatu penulisan di media sosial supaya tidak terjebak dengan perkara yang boleh menyebabkan berlakunya perbuatan fitnah, mencela, mengumpat dan perkara yang palsu tersebar. Selain itu, perbuatan ini juga boleh menjadikan seseorang itu mendapat dosa. Hal ini disebabkan banyak *ghibah* yang dilakukan akan menyebabkan seseorang boleh dicampakkan ke dalam neraka. Perkara ini dijelaskan dalam Sahih Muslim (2589):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَتَدْرُونَ مَا الْغَيْبَةُ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ  
 : ذِكْرُكَ أَحَادِثَ إِمَّا يَكُرْهُ قِيلُ أَفْرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِيٍّ مَا أَقُولُ قَالَ إِنَّ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدِ اغْبَثْتُهُ وَإِنْ  
 مَمْ يَكُنْ فِيهِ فَقَدْ بَحْتَهُ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah, bahwa Rasulullah ﷺ pernah bersabda: "Tahukah kalian apa *ghibah* itu?" Para sahabat menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih tahu." Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda: "Yaitu engkau membicarakan saudaramu mengenai sesuatu yang tidak ia sukai." Ada seseorang yang bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimanakah menurutmu apabila orang yang kubicarakan itu memang sesuai dengan apa yang kuucapkan?" Rasulullah ﷺ menjawab: "Apabila itu benar seperti apa yang kau bicarakan, maka berarti engkau telah berbuat *ghibah*, namun apabila yang kau bicarakan itu tidak ada padanya, maka berarti engkau telah berdusta yang sangat besar terhadapnya."

[Sahih Muslim (2589)]

### 2. *Tabayyun* (Selidik Sebelum Sebar)

Seterusnya, adab yang perlu dititikberatkan ketika berinteraksi di media sosial adalah dengan mengamalkan sikap *tabayyun*. Mengikut tafsiran para ulama, *tabayyun* berasal daripada perkataan arab yang bermaksud menyemak asas kebenarannya. Dalam erti kata lain adalah menyemak sesuatu perkara terlebih dahulu sebelum menyebarkannya. Hal ini kerana, adakalanya maklumat atau berita yang diperolehi berkemungkinan merupakan maklumat yang benar dan datang dari sumber yang boleh dipercayai. Namun, tidak dinafikan terdapat juga maklumat palsu atau tidak benar yang didapati boleh membawa kepada perselisihan dalam kalangan masyarakat. Maka, penelitian terhadap sesuatu maklumat atau berita perlulah diambil berat agar tidak termasuk dalam golongan yang mendapat kemurkaan Allah dan golongan yang digelar pendusta. Sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin Asim r.a, sabda baginda Nabi Muhammad SAW:

كَفَىٰ بِالْمُرءِ كَذِبًا أَنْ يُجَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمَعَ

Maksudnya: "Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarnya (tanpa *tabayyun*)".

[Riwayat Muslim (5)]

Makna hadis ini mengandungi larangan bagi seseorang untuk menyebarluaskan semua berita yang didengari sehingga dia mengetahui secara yakin tentang kesahihannya. Oleh itu, hendaklah berhati-hati dalam segala ucapan dan penyampaian. Hal ini kerana Allah SWT memandang berat terhadap perkara ini dan Nabi SAW memperingatkan umatnya agar berhati-hati sebelum menyampaikan sesuatu maklumat atau berita sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, sabda Nabi Muhammad SAW:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لَا يَرَى بِهَا بُأْسًا يَهُوِي بِهَا سَبْعِينَ حَرِيقًا فِي النَّارِ

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang terkadang berbicara dengan kata-kata yang dia sangkakan tidak mengapa, lalu (tanpa diduga) dia terjerumus dalam sebabnya ke dalam neraka (yang kedalamannya) sejauh perjalanan tujuh puluh tahun”.

[Riwayat al-Tirmizi (2314)]

Justeru, setiap maklumat atau berita yang ingin disampaikan mestilah benar dan tidak mengandungi sebarang keaiban serta pendustaan demi menjaga kesejahteraan dan keharmonian sesebuah masyarakat.

### 3. Meninggalkan Perdebatan atau Perbantahan

Islam amat menggalakkan perbincangan atau *musyawarah* dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau dengan tujuan untuk mendapatkan kebenaran. Hal ini penting demi menjaga keamanan dan keharmonian dalam hidup bermasyarakat. Walaupun fenomena perselisihan pendapat atau perbantahan dalam sesuatu isu adalah tidak dapat dielakkan, namun perlulah dengan tujuan untuk mendapatkan kesepakatan dalam mencari kebenaran. Di samping itu, ia juga perlulah dilakukan dengan cara yang harmoni dan penuh dengan adab yang diajarkan dalam Islam. Sekiranya perdebatan dilakukan kerana kepentingan peribadi atau pihak tertentu, maka akan berlakunya permusuhan dan perselisihan yang berpanjangan. Perbuatan ini dilarang oleh Islam bahkan mendatangkan kemurkaan Allah, sebagaimana sabda baginda Nabi SAW:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِنَّ أَبْعَضَ الرِّجَالِ إِلَى اللَّهِ الْأَكْلُ الْحَصْمُ»

Maksudnya: “Dari Aisyah radhialllahu’anhya dari Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya orang yang paling dimurka Allah adalah orang yang paling keras (gemar) dalam berbantah-bantahan.”

[Sahih Bukhari (2457)]

Justeru, umat Islam hendaklah sentiasa memelihara adab, pertuturan mahupun tulisan ketika berada dalam perdebatan. Dalam masa yang sama, perdebatan atau perbantahan yang berlaku di atas kebathilan yang bukan dengan tujuan untuk mencari kebenaran perlulah dijauhi. Imam al-Syafei berkata:

مَا نَاظَرْتُ أَحَدًا قَطْ عَلَى الْغَلْبَةِ

Maksudnya: “Aku tidak pernah berdebat untuk mencari kemenangan”.

Selain menjadikan hadith Nabi SAW sebagai pegangan, seseorang itu juga sewajarnya menjadikan kata-kata dari Imam al-Syafei ini sebagai salah satu prinsip ketika berada dalam perdebatan atau pertahanan.

### **Adab Menggunakan Media Sosial**

#### **1. Niat yang benar**

Daripada Amirul Mukminin Abi Hafs, Umar bin al-Khattab r.a katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْتَّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ  
 وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَيْنَا يُصِيبُهَا أَوْ إِمْرَأَ يُنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya”.

[Muslim (1907)]

Maka, setiap amalan atau perbuatan memerlukan kepada niat termasuk ketika menggunakan media sosial. Kemajuan teknologi pada masa kini menjadikan media sosial antara platform yang mudah dalam menyebarkan sesuatu perkara. Oleh itu, dalam penggunaan media sosial, adab pertama adalah menjaga niat yang benar sama ada ketika berdakwah atau berkongsi ilmu yang bermanfaat. Pepatah Melayu mengatakan: “Ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut suka duka” itulah golongan yang mengikut hawa nafsu dan suka berkongsi berita palsu sebelum menyebarkan sesuatu berita atau pandangan demi meraih perhatian pengguna media sosial yang lain sehingga akhirnya membawa keburukan kepada diri dan orang sekelilingnya. Inilah bahananya orang yang tersalah niat dalam menggunakan media sosial. Maka, gunakanlah jalan media sosial ini dengan sentiasa memperbaiki dan memperbaiki niat dalam membantu menyebarkan kebaikan kepada manusia.

#### **2. Menjaga aurat**

Penjagaan aurat bagi lelaki dan wanita bukan sahaja wajib dijaga ketika berhadapan dengan masyarakat secara bersemuka, bahkan wajib dijaga ketika mengadakan perjumpaan secara virtual. Dalam konteks suasana pembelajaran secara dalam talian, guru dan pelajar haruslah mengambil berat akan penjagaan aurat agar dapat mengelak pemikiran dan perkataan yang berunsur lucu atau yang tidak baik. Selain itu, warganet yang menggunakan media sosial ketika bersiaran secara langsung juga wajib memelihara aurat agar tidak berlaku perkara yang tidak baik ke atas dirinya sehingga berlaku fitnah atau kerosakan kepada masyarakat luar. Larangan itu turut disebutkan dalam hadis riwayat Ibnu Majah iaitu:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ سَعَدُ بْنِ سِنَانِ الْخُنْدِرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا ضَرَرَ  
 وَلَا ضِرَارَ

Daripada Abu Sa'id, Sa'ad bin Sinan al-Khudri r.a, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Tidak boleh melakukan perbuatan yang mencelakakan (mudarat) dan tidak boleh memudaratkan orang lain".

[HR Ibnu Majah (2340)]

### 3. Tempat yang sesuai

Kadang kala kita leka dan terlupa di tempat yang tidak sepatutnya untuk mendengar atau membaca sesuatu yang bermanfaat. Oleh itu, Islam telah mengatur setiap perilaku manusia sehingga kepada hal-hal baik dan buruk. Persoalan yang timbul dari kajian ini, bolehkah seseorang menggunakan media sosial di dalam tandas?

Rasulullah bersabda, sesungguhnya tempat membuang hajat didiami oleh syaitan, jika salah seorang di antara kalian ingin memasuki tandas, maka ucapkanlah:

أَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبُثِ وَالْخَبَائِثِ

Maksudnya: "Aku berlindung dengan Allah daripada syaithan jantan dan betina".

[HR Muslim (375)]

Dalam konteks ini, tandas merupakan satu tempat yang kotor dan didiami oleh syaitan, maka tidak wajarlah untuk berlama-lama di dalam tandas bahkan mengisi masa di dalamnya dengan membuka laman sosial sama ada mencari faedah darinya atau hanya sekadar suka-suka. Oleh yang demikian, sebagai pengguna media sosial hendaklah bijak mencari tempat yang sesuai untuk berkomunikasi agar manfaat yang diperoleh dikurniakan keberkatan.

### Kepentingan Menjaga Adab ketika Berinteraksi di Media Sosial

Adab merupakan perihal yang penting bagi seorang muslim dalam kehidupan sehariannya untuk mencari keredhaan Allah SWT. Bahkan, setiap ibu bapa diwajibkan untuk mendidik dan mengajarkan adab kepada anak-anaknya, agar menjadi keturunan yang memiliki adab sepertimana yang diajarkan dalam Islam. Seseorang yang tidak memiliki adab akan menjadikan dirinya jauh dari ajaran Islam yang sebenar seterusnya menyebabkan dirinya jauh dari rahmat dan kasih sayang Allah SWT. Oleh itu, adalah penting untuk kita sentiasa memelihara adab di setiap tingkah laku dan pertuturan kita tidak kira sama ada di dunia nyata maupun di alam maya. Hal ini kerana, media sosial mempunyai peranan yang amat penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang cemerlang.

Pada dasarnya media sosial sangat bermanfaat dan dapat menyatupadukan masyarakat sekiranya ia digunakan dengan cara dan niat yang betul. Namun apabila media sosial itu disalahgunakan, maka ia akan membawa kepada kerosakan dan keretakan hubungan sesama manusia. Seseorang yang mengamalkan akhlak dan adab yang diajarkan dalam Islam, maka akan dipandang mulia. Hal ini kerana akhlak merupakan perhiasan dan cerminan seseorang Muslim. Bahkan Nabi Muhammad SAW juga telah mengingatkan kita dengan sabda baginda Nabi SAW:

إِنَّ خَيْرَكُمْ أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا

Maksudnya: "Sebaik-baik kalian adalah orang yang paling baik akhlaknya".

[Sahih Bukhari (6035)]

Justeru, Islam mengajarkan umatnya agar sentiasa memelihara adab dan akhlak pada setiap tingkah laku dan pertuturan terutama ketika mana media sosial kini menjadi wahana komunikasi bagi setiap lapisan masyarakat di dunia.

### **Langkah Pencegahan dari Terpengaruh dengan Keburukan Media Sosial**

#### **1. Mengawal emosi dengan baik**

Sebagai pengguna media sosial yang berhemat, seseorang itu sewajarnya berfikir terlebih dahulu akan baik atau buruk sesuatu perkara sebelum memberikan komen atau memuat naik curahan hati. Dalam hal ini seseorang itu perlulah bijak dalam mengawal emosi agar tidak berlebihan di media sosial. Batasi perkara yang ingin dikongsikan agar tidak menimbulkan sebarang tanggapan negatif orang terhadap diri.

#### **2. Ikuti *page* yang baik**

Pengguna media sosial sebaiknya menggunakan media sosial dan mengikuti *page* yang memberi banyak ilmu pengetahuan kepada diri. Sebagai seorang pengguna seharusnya menghindarkan diri dari mengikuti akaun-akaun yang sering berkongsi berita-berita berkaitan gosip, perkara negatif atau menceritakan keaiban orang lain. Sekiranya perlu untuk menyekat akaun sebegini, maka langkah tersebut merupakan jalan yang terbaik agar tidak terjerumus dalam perkara yang tidak berfaedah.

#### **3. Mengikuti *page* orang yang memberi inspirasi**

Bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan, seseorang itu perlulah melihat semula terhadap dirinya berkenaan apa yang sering dibuat dan dilihat. Sekiranya seseorang itu dapat menjadikan media sosial sebagai platform untuk memajukan diri. Maka bukan sahaja ia dapat dijadikan sebagai motivasi buat dirinya, bahkan dari cerita mereka juga seseorang itu dapat mempelajari dan merancang perkara yang boleh dilakukan demi meraih sesuatu kejayaan yang ingin dicapai. Justeru, seseorang itu sewajarnya mengikuti akaun-akaun orang yang berjaya sebagai inspirasi dalam kehidupannya.

### **Penutup**

Kesimpulanya, teknologi komunikasi dan media sosial pada dasarnya sangat bermanfaat dan bertujuan mempermudahkan urusan manusia. Sekiranya ia digunakan dengan niat yang betul, maka ia akan membawa kepada manfaat dan kesejahteraan hidup. Namun, sekiranya media sosial itu disalahgunakan, maka ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia dan merugikan. Oleh itu, penulisan ini membuktikan bahawa Islam ialah agama yang begitu teliti sehingga dijelaskan setiap adab ketika berkomunikasi. Dengan mempelajari adab-adab tersebut, maka semakin lengkap kesempurnaan amalan Islam dalam kehidupan sehari-hari kita. Tambahan pula, apabila ia melibatkan urusan sehari-hari kita dengan manusia lain, maka perlulah diberi perhatian demi kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Semoga penghayatan panduan agama yang dikongsikan dalam jurnal ini dapat membantu kita menjadi lebih peka dan waspada dalam setiap tindakan dan tutur kata kita. Marilah bersama terus maju sebagai satu masyarakat yang sentiasa dihiasi keindahan adab, moral, saling menghormati dan berkasih sayang.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Abd Rahman, N. N. H. et al. (2021). Etika Pelajar Terhadap Pembelajaran dalam Talian Menurut Perspektif Islam. Seminar Inovasi Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2021.
- Basir, A., Haron, M. S., & Musa, N. Y. (2009). “Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam”. *Jurnal Hadhari*, 1(2), 65-82.
- Anwar Azmi Jiwari. (2021). Konsep Akhlak dan Adab. *Universiti Teknologi MARA*.
- Busro, M. (2022). Menghadirkan Niat dalam Segala Perbuatan. Bunga Rampai Islam dalam Disiplin Ilmu Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam Universitas Islam Indonesia Edisi Dakwah Mahasiswa.
- Hakis. (2020). “Adab Bicara Dalam Prespektif Komunikasi Islam”. *Jurnal Mercusuar*. Vol. 1.
- Syarifah, J. (2022). Etika Bersosial Media Menurut Al-Quran: Studi Penafsiran QS. Al-Hujurat [49]: 6 dan QS. Al-Nahl [16]: 43 (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Juminem, J. (2019). “Adab Bermedia Sosial Dalam Pandangan Islam”. *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(1), 23-34.
- Maulana Anwar Shaikh. (2020). “Etiquettes of Using Social Media”. *Islamic Academy of Coventry* 83-87 Cambridge Street, Coventry CV1 5HU. <<https://islamicacademycoventry.org/newsite/wp-content/uploads/2021/05/Etiquettes-of-Social-Media-1st-Edition.pdf.pdf>>. Diakses: 9 Disember 2022.
- Mohamad Ashraf. (2018). “Bayan Linnas Siri Ke-139: Al-Quran: Kalamullah Yang Mukjizat”. *Terbitan Mufti Wilayah Persekutuan*. 28 Jun. <<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>> Diakses: 21 Disember 2022.
- Muhammad Tarequl Islam. (2019). The Impact of Social Media on Muslim Society: From Islamic Perspective. *Aksaray University*.
- Muslimah, A. (2017). Etika Komunikasi dalam Perspektif Islam. *Sosial Budaya*, 13(2), 115-125.
- Nazaruddin, N., & Alfiansyah, M. (2021). “Etika Komunikasi Islami Di Media Sosial Dalam Perspektif Alquran Dan Pengaruhnya Terhadap Keutuhan Negara”. *Jurnal Peurawi: Media Kajian Komunikasi Islam*.
- n.a. (2021). “Rasulullah Mengulangi Perkataan Hingga Tiga kali dan Bicara dengan Suara yang Jelas”. *Terbitan Chanel Muslim*. 3 September. <<https://chanelmuslim.com/khazanah/rasulullah-mengulangi-perkataan-hingga-tiga-kali-dan-bicara-dengan-suara-yang-jelas>> Diakses: 22 Disember 2022.
- Sari, A. C., Hartina, R., Awalia, R., Irianti, H., & Ainun, N. (2018). “Komunikasi Dan Media Sosial”. *Jurnal The Messenger*, 3(2), 69.
- Nazmi Yaakub. (2020). “Cegah Kemudaratan Diri, Orang Lain Dituntut Syarak”. *Terbitan Berita Harian*. 17 Mac. <<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/03/666076/cegah-kemudaratan-diri-orang-lain-dituntut-syarak>> Diakses: 14 Disember 2022.
- Quistine, A. (2020). “Budi Bahasa Budaya Kita Merupakan Satu Slogan Kebanggan Negara Kita”. <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budi-bahasa-bukan-budaya-kita-118375>> Diakses: 9 Disember 2022.
- Wiji Nurashih. et al. (2020). Islam Dan Etika Bermedia Sosial Bagi Generasi Milenial: Telaah Surah Al-Asr.